

17/10/1997

Amalan berjimat dan Profesor Perdana

HARI ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Belanjawan 1998. Antara lain, kita menjangka belanjawan itu akan meletakkan amalan berjimat cermat sebagai salah satu terasnya bagi menangani masalah semasa penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham.

Berdasarkan pelbagai kenyataan beberapa pemimpin kerajaan sebelum ini, kita juga dapat menjangka selaras dengan dasar berjimat cermat itu kerajaan akan mengurangkan import barangan yang tidak produktif seperti kereta mewah. Pengurangan import itu akan disusuli pula dengan beberapa dasar baru yang bertujuan mendorong peningkatan penggunaan barangan tempatan.

Sehubungan itu, antara dasar baru kerajaan yang paling hangat diperkatakan ketika ini ialah penukaran kereta rasmi kakitangan kanan semua agensi kerajaan daripada kereta mewah yang diimport kepada Proton Perdana. Dasar itu bukan hanya membabitkan pegawai kerajaan, bahkan menteri dan timbalan menteri.

Selain itu, kerajaan tidak akan mengeluarkan permit import kenderaan kepada individu, khususnya kepada pelajar yang mengikuti pengajian di seberang laut. Bagaimanapun, permit itu hanya dikeluarkan kepada kakitangan kerajaan dan swasta yang berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun di seberang laut dan sudah menggunakan kenderaan itu selama dua tahun.

Sejak kebelakangan ini banyak rintihan dan rayuan dikemukakan persatuan pelajar di seberang laut supaya pelaksanaan dasar baru itu ditangguh. Begitu juga dengan pegawai kerajaan.

Hal ini mendapat sorotan kerana kebanyakan pegawai kerajaan dan pelajar peringkat ijazah lanjutan khususnya di Britain membeli kereta mewah untuk dibawa pulang. Bagaimanapun nampaknya, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz, tetap tegas melaksanakan dasar baru itu mulai 1 Januari 1998.

Sesungguhnya dasar itu memberi kesan mendalam kepada pelajar dan kakitangan kerajaan yang berkhidmat di seberang laut. Kesannya bukan saja dari segi kewangan bahkan motivasi. Barangkali tidak salah untuk saya sebutkan selama ini ramai pelajar dan kakitangan kerajaan berminat untuk ke seberang laut khususnya ke Britain kerana pelbagai insentif, termasuklah AP.

Kita maklum kerajaan berhasrat untuk menjadikan barangan keluaran tempatan sebagai alternatif barangan import. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir sendiri menyebut beberapa hari lalu kita mesti berbangga dengan barangan keluaran tempatan. Cara terbaik untuk menzahirkannya adalah dengan menggunakan barangan itu biarpun masih banyak kelemahan teknikalnya.

Dalam hal ini, kita menghargai kesediaan beberapa menteri dan timbalan menteri untuk menukar kereta rasmi kepada Proton Perdana apabila tiba masanya untuk penukaran kereta nanti. Kesediaan itu mempunyai kesan simboliknya yang tersendiri.

Dalam hal ini, kita perlu faham dalam konteks Malaysia, kereta seperti sinonim dengan status sosial. Kereta mewah yang diimport untuk mereka yang berjawatan dan berpendapatan tinggi, sementara kereta tempatan khususnya yang kecil dan murah untuk golongan berjawatan dan berpendapatan rendah. Bagaimanapun, hal ini tidak begitu ketara di Jepun atau Britain. Sebagai

contoh, keluarga angkat saya di Jepun hanya memiliki sebuah kereta Toyota bersaiz sederhana sedangkan mereka memiliki sebuah syarikat multinasional dengan kakitangan kira-kira 1,000 orang.

Dengan sikap kita yang sedemikian, semacam menjadi suatu `kemestian' bagi mereka yang berjawatan dan berpendapatan tinggi menggunakan kereta mewah yang diimport. Jika tidak, timbullah pertanyaan: "Bila lagi nak pakai Mercedes, BMW atau Volvo?"

Soalnya apakah dasar baru kerajaan itu akan mewujudkan sikap baru untuk menghargai dan menggunakan barangan tempatan sebagaimana yang diharapkan oleh Dr Mahathir? Apakah satu hari nanti akan timbul persoalan di kalangan kelompok elit dan hartawan: "Bila lagi nak pakai Perdana?"

Pada hemat saya, persoalan itu hanya akan timbul jika kita memenuhi dua syarat, iaitu: (a) kualiti dan prestasi kereta mewah tempatan mesti dipertingkatkan sekurang-kurangnya tidak jauh beza dengan Mercedes, BMW atau Volvo; (b) golongan elit mesti berbangga menggunakannya sebagai lambang patriotisme dan kualiti.

Ketika ini, kedua-dua syarat itu masih jauh daripada jangkauan. Barangkali inilah `hambatan' yang menyebabkan golongan elit yang cuba menggunakan kereta mewah tempatan akan ditanggapi umum sebagai tidak menjangkau standard, status dan imej yang sewajarnya. Bahkan profesor (rata-rata tidak begitu prihatin terhadap status dan imej) yang baru dilantik memegang jawatan pentadbiran yang melayakkan mereka menggunakan kereta rasmi juga seringkali disindir kerana Proton Perdana. Seorang profesor mengeluh baru-baru ini kerana beliau digelar `Profesor Perdana'!

(END)